

## KEMPEN PB KIRIMAN WANG KE LUAR NEGERI

### TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat yang berikut mengawal “Kempen PB Kiriman Wang Ke Luar Negeri” (“Kempen”) yang ditawarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad [14328-V] (“PIBB”) kepada pelanggan:

#### 1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2020** hingga **30 Jun 2020**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).

#### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan dan bukan individu, iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Kempen ini diterima pakai bagi urus niaga **Kiriman Wang Keluar, iaitu Pindahan Bertelegraf Asing Keluar** yang dibuat melalui kaunter di mana-mana cawangan PBB atau PIBB di Malaysia tetapi **tidak termasuk** Kiriman Wang Keluar dalam talian yang dibuat melalui PBebank.com (PBe).
- 2.3 Kiriman Wang Keluar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

#### 3. Ciri-ciri Kempen

- 3.1 Kempen ini menawarkan **sifar caj perkhidmatan** bagi semua urus niaga **Kiriman Wang Keluar** dari mana-mana cawangan PBB atau PIBB kepada mana-mana bank termasuk cawangan / subsidiari PBB di luar negeri di Vietnam, Hong Kong, Kemboja, Sri Lanka dan Laos semasa Tempoh Kempen.
- 3.2 Benefisiari untuk urus niaga Kiriman Wang Keluar juga akan menikmati **caj perkhidmatan yang dikurangkan** bagi semua **Kiriman Wang Masuk** semasa Tempoh Kempen jika wang dikirim kepada mana-mana akaun yang disenggara di cawangan / subsidiari luar negeri PBB seperti yang berikut:-
  - a) Public Bank Vietnam Limited di Vietnam ("PBV")
  - b) Public Bank (Hong Kong) Limited di Hong Kong ("PBHK")
  - c) Cambodian Public Bank Plc di Kemboja ("CPB")
  - d) Public Bank Berhad di Sri Lanka ("SLO")
  - e) Public Bank Berhad di Laos ("LAOS")

3.3 Caj perkhidmatan kiriman wang di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Urus Niaga Kiriman Wang	Caj Perkhidmatan Kempen	
Kiriman wang keluar dari mana-mana cawangan PBB atau PIBB di Malaysia ke Vietnam, Hong Kong, Kemboja, Sri Lanka atau Laos.  (Dikenakan kepada Pengirim di Malaysia)	Sifar Caj Perkhidmatan	
Kiriman wang masuk dari mana-mana cawangan PBB atau PIBB di Malaysia kepada akaun yang disenggara dengan cawangan/ subsidiari PBB di Vietnam, Hong Kong, Kemboja, Sri Lanka atau Laos.  (Dikenakan kepada benefisiari)	PBV	<ul style="list-style-type: none"> <li>• USD2 tetap bagi Individu / USD5 tetap bagi Entiti</li> <li>• Tiada caj perkhidmatan dikenakan dalam VND</li> </ul>
	PBHK	HKD30
	CPB	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 0.05% atau minimum USD5 tetap (mana-mana yang lebih tinggi)</li> <li>• Tiada caj perkhidmatan dikenakan dalam KHR</li> </ul>
	LAOS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 0.1% atau minimum USD5 tetap (mana-mana yang lebih tinggi)</li> <li>• Tiada caj perkhidmatan dikenakan dalam LAK</li> </ul>
	SLO	<ul style="list-style-type: none"> <li>• USD2</li> <li>• Tiada caj perkhidmatan dikenakan dalam LKR</li> </ul>

#### 4. Am

4.1 PBB dan/atau PIBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB dan/atau PIBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, pemotongan atau tambahan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditentukan oleh PBB dan/atau PIBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan pada Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

- 4.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB atau PIBB mengenai bagaimana PBB atau PIBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB atau PIBB termasuk tawaran promosi dan bahan-bahan pemasaran PBB atau PIBB dan syarikat-syarikat gabungan PBB atau PIBB, sila layari [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau [www.publicislamicbank.com.my](http://www.publicislamicbank.com.my) atau mana-mana cawangan PBB atau PIBB.

\*\*\*\*\*

Ruang Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*